

## Penterjemahan Frasa *Al-Idafah* Arab-Melayu Menggunakan *Google Translate*

### Translating Phrases of *Al-Idafah* of Arab-Malay Using *Google Translate*

KHADIJAH SAHRONY  
MAHERAM AHMAD

#### ABSTRAK

*Teknologi telah menjadikan gaya baru dalam industri penterjemahan apabila mesin terjemahan direka dan dicipta bagi memudahkan pembelajaran bahasa dan terjemahan. Mesin berfungsi membantu kerja-kerja yang dilakukan oleh manusia. Mesin terjemahan dan bahasa mempunyai perkaitan yang rapat antara satu sama lain. Bahasa Arab terdiri daripada serentetan frasa-frasa yang membentuknya. Frasa merupakan bahagian daripada ayat yang mempunyai satu kombinasi makna tertentu. Aspek penyandaran adalah penting bagi suatu perkataan bagi menyempurnakan makna suatu ayat. Dalam bahasa Arab dikenali sebagai *al-Idafah*. Mesin bersifat automatik hanya bergantung pada perisian dan bank perkataan yang ada, manakala manusia menggunakan kemahirannya ketika menterjemah. Kedua-duanya mempunyai keupayaan dalam menterjemah teks, tetapi terjemahan manakah yang mampu menghasilkan terjemahan yang lebih berkualiti. Justeru, kajian ini ingin melihat dan menganalisis perbandingan hasil terjemahan antara manusia dengan mesin dalam menterjemahkan frasa idafah serta melihat kelebihan dan kekurangan antara kedua-duanya. Teks terjemahan yang dianalisis iaitu novel *al-'Ankabut* karya seorang penulis terkenal Mesir, iaitu Mustafa Mahmud. Analisis data dijalankan dengan kaedah kualitatif menggunakan analisis deskriptif yang melibatkan perbandingan dua kategori antara enjin terjemahan Google mewakili mesin terjemahan dengan penterjemah manusia, iaitu Nahmar Jamil. Kaedah persampelan rawak mudah digunakan bagi memperoleh sampel frasa idafah yang terdapat dalam novel. Kajian mendapati bahawa mesin tidak mampu menterjemah frasa idafah dengan sempurna, terjemahan manusia tetap mempunyai nilai dan kualiti yang lebih baik berbanding mesin.*

*Kata kunci: Al-Idafah; novel al-'Ankabut; Mustafa Mahmud; Nahmar Jamil*

#### ABSTRACT

*Technology has created a new style in the translation when the translation machine is designed and created to facilitate the learning of language and translation. Machine is used to help work done by human. Translation machine and language has a close relationship with each other. Arabic language consists of a string of phrases that form it. A phrase represent the portion of verse which has one combination of a particular meaning. Aspect of backup is essential for a word to complete the meaning of a sentence. In Arabic it has been known as *al-Idafah*. Automatic machines are only dependent on the software and words bank, while people use their skills for translating. Both having the ability to translate text, but however, which translation can be able to produce a good translation. Therefore, this research wants to see and analyze the comparison of translation between human and machine in translating the phrase idafah as well as seeing the advantages and lack between both. Translated text being taken from *al-'Ankabut*, which work of a famous Egyptian writer, Mustafa Mahmud. Data analysis were conducted with qualitative methods using descriptive analysis involving comparison of two categories of engine Google's translation represents the machine translation and by a human translator, i.e. Nahmar Jamil. Simple random sampling method used for obtain samples phrases idafah which existing in the novel. The study found that machine can not afford to translate the phrases idafah perfectly, whereas the human translation still having a good value and quality compared to the machine.*

*Keywords: Al-idafah; al-'Ankabut; Mustafa Mahmud; Nahmar Jamil*

#### PENGENALAN

Aktiviti terjemahan merupakan satu keperluan kepada masyarakat untuk perkembangan tamadun dalam proses pemindahan ilmu pelbagai bidang dan juga bahasa-bahasa di seluruh dunia. Ia membuka minda setiap individu dalam memperoleh ilmu baru

hasil peralihan daripada bangsa kepada bangsa lain (Naimah et al. 2009: 243).

Dua atau tiga dekad yang lalu, peralatan kerja untuk seorang penterjemah termasuk mesin taip dan koleksi kamus bercetak yang mudah digunakan. Akan tetapi kesan daripada kemajuan yang sangat pesat dalam bidang komputer masa kini, komponen

penting untuk setiap penterjemah profesional adalah penggunaan sistem teknologi (kemahiran mengendalikan sumber elektronik dan peralatan).

Ungkapan Barat *translator's work tools* mempunyai maksud peralatan kerja seorang penterjemah yang sinonim dengan komputer peribadi (*desktop* atau komputer riba) dan juga internet semestinya (Ulitkin 2011). Perkara ini penting kerana kini telah memasuki abad ke-21 dan secara mutlak semua penterjemah menggunakan kemudahan jaringan internet, komputer dan alat-alat elektronik lain untuk membantu kerja terjemahan mereka.

Menurut Radiah & Wan Rose (2008: 134) terjemahan mesin berfungsi dengan cara menggunakan pelbagai jenis perisian komputer bagi menghasilkan kerja terjemahan secara automatik. Apabila dilihat kepada isu tersebut, pada hakikatnya penggunaan terjemahan mesin perlu diambil kira dalam proses penterjemahan sama ada terjemahan itu berjaya atau sebaliknya.

#### PERNYATAAN MASALAH

Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, bantuan teknologi dalam bidang terjemahan amat wajar. Terjemahan yang dibuat oleh manusia perlu kepada bantuan-bantuan peralatan manual dan elektronik lain (Muhammad Fauzi 2012: 133). Menterjemah dengan bantuan komputer adalah berlainan dengan bekerja semata-mata di atas kertas dan dengan menggunakan kamus konvensional, kerana alat-alat komputer menyediakan khidmat secara langsung kepada teks yang jauh lebih fleksibel daripada pembacaan semata-mata (Craciunescu et al. 2004). Internet dengan akses sejagat kepada maklumat dan komunikasi serta-merta telah mencipta kebebasan untuk penterjemah dalam menggunakannya. Oleh itu, penterjemah perlu untuk menerima teknologi baru dan belajar bagaimana untuk menggunakannya sehingga tahap keupayaan maksimum sebagai satu cara untuk meningkatkan produktiviti dan peningkatan kualiti dalam terjemahan.

Fenomena wujudnya kecanggihan teknologi sekarang ini sedikit sebanyak menambah kesan yang mendalam terhadap bidang penterjemahan di dunia. Tidak dapat dinafikan terjemahan yang dilakukan oleh manusia seringkali dikatakan terjemahan yang baik dan memadai. Zetzsche (2007) berpendapat bahawa mustahil komputer dapat menterjemah sebagaimana penterjemah manusia yang berkelayakan. Hal yang sama juga dikemukakan oleh Vitek (2010) bahawa masalah mesin terjemahan

ialah tidak dapat memahami makna sesuatu perkara. Maka persoalannya: adakah terjemahan dapat dilakukan oleh komputer? Adakah komputer atau mesin mampu menghasilkan terjemahan yang baik? Sejauhmanakah terjemahannya dapat diterima?

Terjemahan manusia merupakan terjemahan yang dilakukan oleh individu atau penterjemah terlatih yang berkecimpung dalam bidang terjemahan. Mereka mempunyai kemahiran dari segi menguasai dua bahasa, mengetahui bidang teks yang akan diterjemah, budaya dua bangsa dan nahu terjemahan dua bahasa tersebut serta pengalaman penterjemah sendiri. Pendapat ini disokong oleh Imran (2003: 286) yang mengatakan perisian terjemahan yang canggih tidak akan dapat menghasilkan terjemahan sepertimana yang mampu dibuat oleh seorang penterjemah yang mahir. Oleh itu, isu di sini berkaitan dengan kualiti, ketepatan dan penerimaan terhadap hasil terjemahan daripada mesin.

Mesin terjemahan adalah hanya sebuah alat yang berguna untuk menterjemah perkataan-perkataan sahaja bukan makna yang diutamakan. Makna tersebut tidak mampu dihasilkan oleh mesin, tetapi hanya manusia yang dapat menghasilkannya (Vitek 2010). Keadaan sedemikian kerana manusia mempunyai kelebihan, iaitu kemampuan kognitif yang hanya berlaku di dalam otak.

Penggunaan terjemahan mesin terhad dan bergantung kepada perisian dan bank perkataan serta korpus bahasa yang sedia ada, ianya tidak menekankan aspek nahu sesuatu bahasa. Khairulnuar (2009: 498) menyatakan bahawa masalah semua mesin terjemahan adalah terletak pada nilai tatabahasa atau nahu terjemahan, hasil daripada proses terjemahan mesin tidak berkualiti dari sudut tatabahasa.

Terjemahan berbantuan mesin menekankan aspek pemindahan perkataan ataupun ayat sahaja yang mampu dihasilkan, aspek makna yang diperoleh tidak seratus peratus sampai kepada maksud sebenar. Menurut Radiah & Wan Rose (2008: 142) kemampuan komputer dalam memproses maklumat tidak akan dapat memahami konsep makna dan budaya yang sering mempengaruhi bahasa serta segala aspek pengalaman dan pengetahuan latar yang mendasari pemahaman penutur bahasa masing-masing. Oleh itu, terjemahan mesin hanya memberi garis panduan atau gambaran awal teks sumber sebelum proses sebenar menterjemah dilakukan oleh seorang penterjemah (Goh Ying Soon & Azman 2009: 25). Maka, terjemahan manusia mempunyai nilai lebih berbanding terjemahan mesin dari segi kelebihan manusia itu sendiri, manusia hidup dan

berakal sedangkan mesin hanya bersifat robotik serta statik.

Maksud terjemahan manusia merujuk khas untuk terjemahan yang dilakukan oleh seorang penterjemah manusia (Quah 2006: 174). Manakala definisi terjemahan mesin ialah jenis atau bentuk terjemahan di mana program komputer menganalisis teks sumber dan menghasilkan teks sasaran tanpa adanya campur tangan manusia (Mok Kim Man & Ei Sun Oh 2005: 359). Selain itu, menurut Mohamad Nor Amin & Naimah (2011: 1) istilah terjemahan mesin dalam bahasa Inggeris iaitu *machine language translation* atau e-translasi yang bermaksud mesin terjemahan bahasa berasaskan jaringan internet.

### OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini ingin mencapai objektif, iaitu menilai dan menganalisis perbandingan antara hasil terjemahan manusia dengan terjemahan mesin dalam menterjemah frasa Arab.

### KAJIAN LITERATUR

Dalam menghuraikan tajuk berkaitan perbandingan ini, usaha-usaha telah dilakukan dalam membincangkan dan mengupas tajuk ini secara mendalam daripada pelbagai sudut perbincangan sama ada karya buku, tesis, jurnal, kertas kerja, makalah dan juga sumber daripada internet termasuk tapak khidmat terjemahan dalam talian internet.

Farah Hanan Aminallah dan Muhammad Fauzi Jumingan (2012) dalam prosiding kertas kerja yang bertajuk *Terjemahan Kolokasi Arab-Melayu: Satu Kajian Terhadap Google Translate* membincangkan tentang kolokasi Arab dan penggunaannya. Kertas kerja ini menganalisis terjemahan yang dilakukan *Google Translate* dalam menterjemah kolokasi Arab dan buku Frasa Idiomatik Arab dan Ertinya digunakan bagi mengukur ketepatan makna yang dihasilkan oleh *Google Translate*. Selain itu, klasifikasi jenis terjemahan yang diperoleh daripada *Google Translate* turut ditentukan. Walau bagaimanapun, kertas kerja ini hanya fokus terhadap kolokasi Arab atau dalam bahasa Melayu dikenali sebagai penjodoh bilangan.

Kajian yang dijalankan Mohamad Nor Amin Samsun Baharun & Naimah Abdullah (2011) yang bertajuk *Kesilapan Terjemahan bahasa Arab – bahasa Melayu dalam Ejen Carian Google: Satu Kajian Semantik* mengkaji kesilapan dan kesalahan makna hasil terjemahan ayat dan perkataan daripada

bahasa Arab ke bahasa Melayu menggunakan mesin terjemahan percuma, iaitu *Google Translate*. Ketepatan dan kesesuaian pemilihan kata dianalisis dan diperbetulkan dalam hasil terjemahan. Jenis perkataan yang dijadikan objek kajian iaitu: kata nama, kata kerja, frasa, partikel dan ekspresi. Di samping itu, kajian ini mencadangkan perkataan-perkataan yang lebih tepat dan sesuai digunakan daripada aspek semantik. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menekankan skop makna perkataan sahaja dan tidak membuat perbandingan secara terperinci.

Menurut Ilya Ulitkin (2011) dalam jurnalnya bertajuk *Computer-assisted Translation Tools: A Brief Review* mengupas tentang terjemahan berbantuan mesin komputer. Pendekatan yang dilakukan komputer dalam membantu proses terjemahan termasuk software komputer, kamus dan korpus linguistik dan sistem korpora untuk setiap bahasa. Tiga pendekatan dalam terjemahan bertulis iaitu pertama mesin terjemahan berdasarkan peraturan bahasa sumber dan sasaran, kedua mesin terjemahan statik dan akhir terjemahan yang berbantuan komputer. Selain itu, jurnal ini menyenaraikan kelebihan penggunaan memori terjemahan yang dimasukkan ke dalam komputer.

Kajian Radiah Yusoff dan Wan Rose Eliza Abdul Rahman (2007) yang bertajuk *Analisis padanan makna dalam terjemahan berbantuan komputer* iaitu kajian tentang kemampuan pemindahan teks sumber ke dalam teks sasaran dengan menggunakan penterjemahan berbantuan komputer. Kajian ini menumpukan kepada kesesuaian padanan terjemahan makna sesuatu frasa dan ayat. Adapun analisis dan perbincangan dalam kajian mengehendak topik seperti frasa nama mudah, frasa nama am, frasa nama khas dan makna denotasi dalam terjemahan. Penterjemahan dalam kajian ini adalah melibatkan teks sumber bahasa Inggeris dan teks sasaran bahasa Melayu dan mengaplikasikan mesin terjemahan percuma pada jaringan internet, iaitu *cit-cat.com* dan *linguamatix.com*.

Mohd Khairulanuar Manshor (2009) dalam kertas kerjanya *Aplikasi Teknologi dalam Penterjemahan* membincangkan beberapa aspek berkaitan penggunaan teknologi maklumat atau internet dalam bidang penterjemahan. Topik yang dikupas berkenaan dengan sejarah teknologi penterjemahan mesin, produk perisian penterjemahan, laman sesawang yang menawarkan khidmat penterjemahan dan cabaran penciptaan teknologi penterjemahan mesin yang terbaik. Akan tetapi kertas kerja tersebut hanya lebih tertumpu kepada aspek teori sahaja.

Kertas kerja *Teknologi Terjemahan untuk Belajar Bahasa* yang ditulis oleh Rusli Abdul Ghani (2009) menghuraikan perkembangan mutakhir teknologi maklumat dan komunikasi, khususnya teknologi terjemahan yang dibangunkan dalam sistem jaringan internet yang dapat diakses oleh semua individu secara cepat dan murah. Kertas ini juga meneliti sumber dan khidmat terjemahan yang disediakan di laman-laman *Web* yang boleh dimanfaatkan dalam pembelajaran sesuatu bahasa seperti rangkaian sosial seperti *palabea* dan *busuu* bagi berkomunikasi dengan penutur asli bahasa itu dan khidmat teknologi terjemahan bagi menterjemah bahasa seperti *free translation*, *babel fish* dan *systranet*. Maka, kertas ini hanya menunjukkan dan memaparkan laman-laman web dan khidmat-khidmat terjemahan wujud di internet bagi memperkukuhkan penguasaan bahasa.

Jumiya Ahmad (2009) dalam kertas kerja beliau yang bertajuk *Terjemahan Berbantuan Komputer: Satu Pengalaman Mengajar*. Kertas kerja ini menghuraikan pengalaman beliau dalam mengajar kursus terjemahan. Hasil terjemahan pelajar dalam menggunakan perisian terjemahan yang terdapat dalam talian atau internet turut dipaparkan kemudian dianalisis kekurangan dan kesalahan diuraikan dari segi kaedah penterjemahan. Kertas ini menilai gabungan antara terjemahan manusia yang belum berkemahiran dengan terjemahan mesin dalam menghasilkan terjemahan yang memuaskan dan dapat difahami.

Penulisan kertas kerja oleh Vijayaletchumy a.p. Subramaniam (2005) yang bertajuk *Penterjemahan Mesin* membincangkan tentang asal usul terjemahan mesin dan kaji selidik berkaitan projek mesin terjemahan di negara Barat. Kertas ini juga menghuraikan jenis-jenis terjemahan mesin, sistem serta kekurangan dan kelebihannya. Implikasi jangka panjang terjemahan mesin bagi penterjemah juga diuraikan.

Melihat kepada kajian-kajian lepas, belum terdapat lagi kajian tentang perbandingan hasil terjemahan antara manusia dan mesin. Oleh yang demikian, kajian "*Penterjemahan Frasa Arab-Melayu: Analisis Bandingan Antara Terjemahan Manusia dengan Terjemahan Mesin*" dirasakan wajar dan sedikit sebanyak dapat memberi sumbangan dan dapatan kepada bidang penterjemahan.


## METODE KAJIAN

Penganalisaan data kajian menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) kerana tertumpu kepada kajian korpus (novel) yang berbentuk deskriptif. Analisis data melibatkan dua kategori perbandingan seperti yang telah ditentukan, iaitu:

1. Enjin terjemahan *Google* mewakili mesin terjemahan.
2. Penterjemah Nahmar Jamil mewakili terjemahan manusia.

Analisis sampel dijalankan secara deskriptif, iaitu dengan menggunakan korpus kajian bertajuk *al-'Ankabut* yang merupakan novel karya penulis terkenal Mesir, iaitu, Mustafa Mahmud. Data yang dianalisis dalam novel tertumpu pada paduan dua perkataan Arab yang dikenali sebagai "*tarkib*" atau dalam bahasa Melayu disebut "frasa".

Perbincangan akan difokuskan pada analisis sampel kajian terhadap frasa *idafah*. Analisis sampel kajian dihadkan pada tiga bab terakhir novel tersebut, iaitu bab 8, 9 dan 10. Pemilihan sampel dilakukan secara rawak (*random sampling*) dengan cara mencabut lima sampel daripada setiap frasa atau *tarkib idafah*. Susunan proses untuk menganalisis perbandingan digambarkan dalam bentuk carta alir seperti di bawah:



RAJAH 1. Aliran Proses Perbandingan Terjemahan

Penterjemahan manusia dan mesin ini dipaparkan dalam bentuk jadual sebelah-menyebelah, hal ini bagi melihat dengan jelas hasil terjemahan selain memudahkan dalam membuat bandingan terjemahan antara keduanya.

### ANALISIS SAMPEL KAJIAN

Frasa adalah unit tatabahasa yang boleh terdiri daripada satu susunan yang mengandungi sekurang-kurangnya dua perkataan atau satu perkataan yang berpotensi untuk diperluas menjadi dua perkataan atau lebih (Nik Safiah et al. 1993: 416). Konsep frasa dalam bahasa Arab dikenali sebagai *al-tarkib*. Pendapat Ibnu Burdah (2004: 76) yang membahas maksud perbincangan *tarkib* ini, iaitu kaitan satu perkataan dengan perkataan lain yang membentuk satu frasa yang belum membentuk ayat dan perbahasannya berkaitan dengan ilmu nahu Arab. Dalam proses terjemahan ayat, penterjemahan setiap perkataan amat penting kerana perkataan yang membentuk ayat dan supaya maksud sasaran yang cuba disampaikan penulis asal dapat difahami dengan jelas oleh pembaca sasaran.

Dalam buku tatabahasa bahasa Arab moden, iaitu buku *Jami' al-Durus al-'Arabiyyah* karya Ghilyani mengemukakan bahawa konsep *murakkab (tarkib)* adalah *murakkab isnadiy, 'atfiy, idafiy, bayaniy, 'adadiy* dan sebagainya (Ghilyani 2000: 11). Jenis-jenis *murakkab* tersebut pada dasarnya merupakan frasa yang membentuk binaan ayat bahasa Arab dan akan melengkapkan makna ayat tersebut sehingga maksud keseluruhannya dapat difahami. Maka, jelas bahawa *tarkib* di sini merupakan binaan asas suatu konstruksi ayat dalam bahasa Arab.

*Idafah* merupakan *tarkib idafiy*. *Idafah* menurut bahasa ialah *isnad* yang bermaksud penyandaran. Frasa ini adalah suatu bentuk penyandaran antara suatu kata dengan kata yang lain dan mempunyai hubungan dua kata nama yang membawa kepada satu maksud perkataan (Mubarak 1987: 251). Mempunyai dua elemen penting, iaitu *mudaf* (yang disandarkan) mewakili kata nama pertama dan *mudaf ilaiyh* (yang menyandarkan) mewakili kata nama kedua (Antoine al-Dahdah 1992 dalam Ashinida 1998: 21). *Idafah* bertujuan untuk memberi makna yang lebih khusus terhadap sesuatu perkataan.

Dalam kajian ini hanya lima sampel yang dianalisis, iaitu:

#### Data 1

وخيّل إلى أن الاسم يبدو مألوفا بالرغم من غرابته.

(al-'Ankabut, hlm: 79)

JADUAL 1. Sampel Pertama yang Mengandungi Frasa *Idafah*

Terjemahan Nahmar Jamil	Terjemahan Google
Terkhayal kepada saya, zaman itu kelihatan biasa sahaja walaupun <i>kelihatan aneh</i> . ( <i>Labah-Labah</i> , hlm: 79)	Kuda-kuda itu bahawa nama itu kedengaran biasa walaupun <i>keganjilan</i> . (6 Julai 2012)

#### Ulasan:

Dalam ayat ini, perkataan *غرابية* merupakan *masdar* (kata terbitan) dari perkataan asal *غريب*. Frasa *غرابيته* adalah frasa *idafah* yang terdiri daripada perkataan *غرابية*, iaitu *mudaf* dan *damir* ← menunjukkan *mudaf ilaiyh*. Nahmar Jamil memadankan frasa *غرابيته* dengan “kelihatan aneh” manakala *Google* memadankan frasa tersebut dengan perkataan “keganjilan”.

Merujuk kamus *al-'Asri* (1996: 1345), perkataan tersebut bermaksud “keanehan atau keganjilan”. Nahmar Jamil memadankan perkataan *غرابية* dengan perkataan “aneh”. Dan perkataan “kelihatan” ditambah kerana ini merupakan kaedah perubahan dalam susunan perkataan bagi menyesuaikan bahasa penerima dengan ciri-ciri bahasa sumber (Ainon 1979: 48).

Adapun *damir* ← merujuk kepada perkataan *أيام* yang bermaksud “zaman atau masa” pada ayat sebelumnya. Apabila melihat hasil terjemahan antara keduanya menunjukkan hasil terjemahan yang sesuai untuk frasa *idafah*. Terjemahan Nahmar Jamil lebih bersahaja apabila dibandingkan dengan *Google*. Terjemahan *Google* nyata mampu menterjemahkan frasa tersebut dengan agak baik walaupun terjemahan keseluruhan ayat perlu kepada pengeditan semula.

#### Data 2

ويقلب صفحات كتاب الدنيا كله.

(al-'Ankabut, hlm: 76)

JADUAL 2. Sampel Kedua yang Mengandungi Frasa *Idafah*

Terjemahan Nahmar Jamil	Terjemahan Google
Dia akan membolak-balik beberapa halaman seluruh <i>kitab dunia</i> . ( <i>Labah-Labah</i> , hlm: 79)	Dan berpaling muka surat <i>buku seluruh dunia</i> . (6 Julai 2012)

Ulasan:

Ayat tersebut menunjukkan ayat yang mengandungi frasa *idafah*. Perkataan كتاب adalah *nakirah* yang merupakan bentuk *mudaf* dan perkataan الدنيا pula ialah *ma'rifah* yang merujuk bentuk *mudaf ilaiyh*. Bentuk *idafah* dalam frasa ini, iaitu mengandungi lafaz “ل” atau “lam” yang mempunyai erti *milkiyah* (kepunyaan), maka frasa tersebut bermaksud “buku kepunyaan (milik) dunia”. Terjemahan Nahmar Jamil untuk perkataan كتاب الدنيا adalah “kitab dunia” manakala terjemahan *Google* menghasilkan terjemahan “buku dunia”.

Makna, frasa كتاب الدنيا mengandungi erti kiasan kerana penulis asal novel menggunakan perkataan الدنيا dengan menyandarkannya dengan perkataan كتاب, iaitu “buku”. Penulis bermaksud mengandaikan dunia seperti buku yang mempunyai “helaiian muka surat”. Dari segi terjemahan, keduanya menghasilkan terjemahan yang baik dengan terjemahan yang hampir sama maksud, iaitu “kitab dunia” dan “buku dunia”. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan ayat, kualiti terjemahan Nahmar Jamil lebih baik berbanding terjemahan yang dihasilkan *Google*. Terjemahan *Google* cenderung kepada kaedah terjemahan perkataan demi perkataan.

Data 3

Teks asal:

وصديقي دكران يحدثني عن الجارية التي اشتراها من سوق النخاسة.

(al-‘Ankabut, hlm: 85)

JADUAL 3. Sampel Ketiga yang Mengandungi Frasa *Idafah*

Terjemahan Nahmar Jamil	Terjemahan <i>Google</i>
Sahabat saya, Dakran bercerita tentang seorang jariah yang dibelinya dari pasar hamba abdi. (Labah-Labah, hlm: 89)	Dan kawan saya (Dkran) memberitahu saya tentang berterusan yang dibeli dari pasar hamba. (6 Julai 2012)

Ulasan:

Frasa *idafah* pada ayat di atas, iaitu pada frasa سوق النخاسة. Perkataan سوق adalah *mudaf* dan *mudaf ilaiyh* pula ialah pada perkataan النخاسة. *Idafah* bererti menggabungkan dua kata yang berbeza makna menjadi satu makna yang baru (Mustafa 1997: 76; Mukhlas 2008: 222). Penggabungan antara perkataan سوق dengan النخاسة menjadikan satu kata nama yang mempunyai makna baru. Penyandaran kedua perkataan tersebut menghasilkan makna baru, iaitu

“pasar hamba abdi” yang bermaksud satu jenis nama tempat. Nahmar Jamil menghasilkan terjemahan “pasar hamba abdi” manakala terjemahan *Google* menterjemah “pasar hamba”.

*Google* menggunakan perkataan “pasar” dalam memadankan perkataan سوق. Perkataan “pasar” ini kurang sesuai kerana perkataan tersebut merupakan kata terbitan daripada “pasar”. Apabila menggunakan perkataan “pasar”, makna yang dibawa adalah lari daripada maksud ayat asal. Maka, dari segi terjemahan frasa tersebut, terjemahan Nahmar Jamil lebih tepat berbanding dengan terjemahan *Google*. Secara keseluruhan terjemahan ayat, terjemahan *Google* perlu kepada pembetulan.

Data 4

Teks asal:

الحصار على أسوار عكا.

(al-‘Ankabut, hlm: 89)

JADUAL 4. Sampel Keempat yang Mengandungi Frasa *Idafah*

Terjemahan Nahmar Jamil	Terjemahan <i>Google</i>
Pengepungan di tembok Acre. (Labah-Labah, hlm: 93)	Sekatan di dinding Acre. (25 Julai 2012)

Ulasan:

Frasa أسوار عكا adalah frasa *idafah* yang terdiri daripada perkataan أسوار yang merupakan *mudaf* dan perkataan عكا adalah *mudaf ilaiyh*. Perkataan أسوار merupakan perkataan *jamak* yang berasal daripada perkataan asalnya, iaitu سور. Menurut kamus al-‘Asri (1996: 1099) perkataan سور mempunyai maksud “tembok, dinding atau pagar”. Oleh kerana perkataan أسوار merupakan perkataan *jamak*, maka akan membawa maksud tembok atau dinding yang mempunyai lebih daripada dua, maka terjemahan akan menjadi “tembok-tembok atau dinding-dinding”. Dan perkataan عكا pula bermaksud “Acre”, iaitu satu nama tempat di negara Israel.

Gabungan dua perkataan antara أسوار dengan عكا menghasilkan maksud baru, iaitu “tembok Acre” atau “dinding Acre”. Frasa ini adalah kata nama dalam bentuk penyandaran atau *idafah*. Nahmar Jamil dan *Google* menghasilkan terjemahan yang sama dan tepat untuk frasa أسوار عكا. Perbandingan menunjukkan keduanya melahirkan hasil terjemahan yang baik sama ada untuk terjemahan frasa dan juga terjemahan keseluruhan terjemahan ayat.

## Data 5

Teks asal:

ونظرت إلى ساعة الحائط .

(al- 'Ankabut, hlm: 90)

JADUAL 5. Sampel Kelima yang Mengandungi Frasa *Idafah*

Terjemahan Nahmar Jamil	Terjemahan Google
Saya memandang kepada <i>jam dinding</i> . (Labah-Labah, hlm: 94)	Dan memandang <i>jam</i> . (25 Julai 2012)

Ulasan:

Frasa yang digaris bawah dalam ayat di atas merupakan bentuk daripada frasa *idafah*. Perkataan *ساعة* mewakili *mudaf* dan perkataan *الحائط* merupakan *mudaf ilaiyh*. Menurut kamus *Oxford Fajar Arab-Melayu* (2006: 115), perkataan *الحائط* mempunyai erti “dinding”. Perkataan *ساعة* bermaksud “jam, alat untuk mengetahui waktu atau satu jam” (al- 'Asri 1996: 1035). Akan tetapi padanan yang sesuai ialah “jam”. Frasa *ساعة الحائط* adalah dua perkataan yang bersandar dan melahirkan makna perkataan baru, iaitu “jam dinding”. Maka, fungsi penyandaran di sini adalah mengkhususkan dua makna perkataan tersebut supaya terhasil nama alat baru daripada alat “jam”, iaitu “jam dinding”.

Nahmar Jamil menterjemah dengan tepat maksud *ساعة الحائط*, iaitu “jam dinding”. Melihat kepada terjemahan *Google*, frasa *ساعة الحائط* diterjemahkan dengan perkataan “jam” sahaja manakala perkataan *الحائط* tidak diterjemahkan. Perbandingan hasil terjemahan menunjukkan terjemahan Nahmar Jamil menghasilkan terjemahan yang baik dan setia dalam menyampaikan maklumat teks yang diterjemah.

## RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Dalam menterjemahkan frasa *idafah*, penterjemah manusia menterjemahkannya dengan baik. Terjemahan mesin pula agak baik akan tetapi perlu pengeditan semula untuk terjemahan keseluruhan ayat.

Daripada hasil analisis kertas kerja ini mendapati terjemahan Nahmar Jamil mempunyai kualiti yang lebih baik berbanding terjemahan mesin *Google* dalam menterjemahkan frasa *idafah*. Manusia menterjemah menggunakan pengetahuan dan kemahirannya manakala mesin menterjemah terbatas dengan korpus dan bank perkataan yang ada.

Enjin terjemahan tidak dapat dinafikan keupayaan dalam menterjemahkan sesuatu teks, akan tetapi sentuhan seorang penterjemah manusia tetap diperlukan untuk proses pengeditan bagi menghasilkan satu teks terjemahan yang sempurna.

Enjin terjemahan jelas mempunyai peranan dalam membantu proses terjemahan ianya lebih sesuai dijadikan alat bantu menterjemah bagi seseorang penterjemah profesional. Kewujudan mesin tidak boleh diketepikan seratus peratus, kerana pada hakikatnya mesin dicipta untuk memudahkan kerja-kerja manusia. Selain itu, mesin pula tidak dapat menggantikan tempat penterjemah profesional kerana terjemahan yang sempurna dan berkualiti hanya mampu dihasilkan melalui pengetahuan, kemahiran dan pengalaman.

Malah, gabungan antara terjemahan manusia dan mesin terjemahan mampu menghasilkan terjemahan yang baik. Sepertimana yang telah disebut oleh Zaharin (2008: 66) dan Ulitkin (2011) terjemahan yang berkualiti hasil gabungan teknologi elektronik dan kemahiran penterjemah dan penguasaan bahasa asing juga teori terjemahan.

Sebagai penutup, walaupun manusia dan mesin berbeza akan tetapi kedua-dua aplikasi terjemahan mempunyai kelebihan masing-masing. Apabila bergabung akan mendapatkan hasil terjemahan yang sempurna. Maka, keduanya tidak dapat dipisahkan masing-masing saling berhubung kait. Kemampuan dan kemahiran manusia tidak dapat dipersoalkan lagi terjemahan manusia tetap unggul dan bernilai tinggi hal ini hasil daripada kelebihan akal fikiran yang telah dianugerahkan kepadanya.

## RUJUKAN

- Ainon Muhammad. 1979. *Pengantar Terjemahan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi.
- Al-Ghilyani, Mustafa. 2000. *Jami'ud Durus al-Arabiyah*. Juzuk pertama. Beirut: Dar Al-Kutub al-Ilmiyah.
- Ashinida Aladdin. 1998. *Kekeliruan antara Al-Idafat dan Al-Na'at di Kalangan Pelajar Melayu*. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Petaling Jaya: Universiti Malaya.
- Burdah, I. 2004. *Menjadi Penterjemah: Wawasan Dan Metode Menerjemah Teks Arab*. Yogyakarta: Tiara Wacana Yogya.
- Craciunescu, O., Salas, C.G. & O'keeffe S.S. 2004. Machine Translation and Computer-Assisted Translation: A New of Translating? *Translation Journal and Author*. <http://accurapid.com/journal/29bias.htm> [2011].
- Farah Hanan Abdullah & Muhammad Fauzi Jumingan. 2012. *Terjemahan Kolokasi Arab-Melayu: Suatu Kajian Terhadap Google Translate*. *Prosiding Nadwah Bahasa dan Kesusasteraan Arab Ketiga*, hlm. 30-34.

- Goh, Ying Soon & Azman Che Mat. 2009. *Idea Pengamalan Teori dan Prinsip Penterjemahan*. Penterjemahan Bahasa Cina-Bahasa Melayu.
- Imran Ho. 2003. Teknologi terjemahan untuk pendidikan dalam era globalisasi dan ekonomi berasaskan ilmu. Himpunan Kertas Kerja Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-9. Anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Jumiya Ahmad. 2009. Terjemahan berbantuan komputer: satu pengalaman mengajar. Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-12, Kelestarian Bidang Penterjemahan.
- Kamus *al-'Asri* (Kontemporer) Arab-Indonesia. 1996. Yogyakarta: Yayasan Ali Maksum Pondok Pesantren Krapyak.
- Kamus Oxford Fajar Bahasa Arab-Bahasa Melayu dan Bahasa Melayu-Arab. 2006. Fajar Bakti Sdn. Bhd: Shah Alam.
- Mahmud, Mustafa. t.th. *al-'Ankabut*. Lubnan: Dar Al-Ma'arif.
- Mohamad Nor Amin Samsun Baharun & Naimah Abdullah. 2011. Kesilapan Terjemahan bahasa Arab-bahasa Melayu dalam Ejen Carian Google: Satu Kajian Semantik. Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-13. Anjuran Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Mohd Khairulnuar Manshor. 2009. Aplikasi Teknologi dalam Penterjemahan. Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-12, Kelestarian Bidang Penterjemahan.
- Mok, Kim Man & Ei, Sun Oh. 2005. Translation as a Communication Tool: The Teaching of Japanese. Kertas Kerja Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-10. Anjuran Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu, 2-4 Ogos.
- Mubarak, Mubarak. 1987. *Qawaid Al-Lughah Al-'Arabiah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Lubnan.
- Muhammad Fauzi Jumingan. 2012. Terjemahan adalah satu perniagaan. *Prosiding Nadwah Bahasa dan Kesusasteraan Arab Ketiga*, hlm. 133.
- Mukhlis Asy-Syarkani. 2008. *Cara Belajar Bahasa Arab Nahu*. Cetakan ke-3. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications.
- Mustafa Umar. 1997. *Tatabahasa Bahasa Arab*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Nahmar Jamil. 1991. *Labah-Labah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan.
- Naimah Abdullah et al. 2009. Terjemahan Wacana Agama Arab-Melayu. Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-12.
- Nik Safiah et al. 1993. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Quah, Chiew Kin. 2006. *Translation and Technology*. England: Palgrave Mcmillan.
- Radiah Yusoff & Wan Rose Eliza Abdul Rahman. 2008. Analisis padanan makna dalam terjemahan berbantuan komputer. Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-11.
- Rusli Abdul Ghani. 2009. Teknologi terjemahan untuk belajar bahasa. Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-12, Kelestarian Bidang Penterjemahan, hlm, 65-76.
- The Oxford English-Arabic Dictionary of Current Usage. 1981. Britain: Oxford University Press. [http://www.google translate.com](http://www.google.translate.com).
- Ulitkin, I. 2011. *A Computer-Assisted Translation Tools: A brief Review*. *Translation Journal and Author*. 2011. <http://translationjournal.net/journal/55computers.htm>.
- Vijayaletchumy a.p. Subramaniam. 2005. Penterjemahan mesin. Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-10.
- Vitek, S.V. 2010. Reflection of a human translator on machine translation. *Translation Journal* 4(3). <http://accurapid.com/journal/13mt.htm>.
- Zaharin Yusoff. 2008. Machines and translation. Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-11.
- Zetzsche, J. 2007. Machine Translation Revisited. *Translation Journal and the Author*. <http://accurapid.com/journal/39MT.htm>.

Khadijah Sjahrony

\*Maheram Ahmad

Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam

Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM Bangi

Selangor D.E.

MALAYSIA

\* maheram\_ahmad@yahoo.com mhm@ukm.my